

**Berbuka Puasa Atas Jalan, Budaya Baharu Semai Perpaduan  
Bernama  
21 Julai, 2013  
Oleh Noor Adila Ali**

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Seawal pukul 5 petang, di tengah-tengah kesibukan kota raya di Jalan Raja, kelihatan beberapa individu sibuk membenteng tikar di atas jalan.

Mereka kemudiannya menyusun pula bekas bubur, meletak minuman dan kuih muih di atas tikar sebelum orang ramai pelbagai kaum termasuk pelancong asing berpusu-pusu turut duduk di atas tikar itu.

Situasi ini pada mulanya kelihatan luar biasa bagi warga kota, apatah lagi orang luar yang pertama kali menjejak kaki di ibu kota.

Lebih-lebih lagi situasi ini hanya berlaku setahun sekali ketika bulan Ramadan.

Namun inilah acara 'Jom Berbuka Puasa' yang diperkenalkan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) sejak tahun lalu bagi 'Merakyatkan Seni Budaya' negara.

Seperti yang dijelaskan Ketua Pengarah JKKN Datuk Norliza Rofli, ia bertujuan memberi peluang kepada rakyat pelbagai bangsa dan agama termasuk pelancong asing untuk merasai ibadah berbuka puasa dan secara percuma.

Menurut beliau, idea untuk mengadakan majlis seperti ini tercetus apabila melihat suasana yang berlaku di Pahang apabila ramai orang berbuka puasa di atas padang.

"Justeru saya merasakan ia sesuatu yang unik dan cuba melaksanakannya di Kuala Lumpur dengan memilih Jalan Raja di kawasan Dataran Merdeka sebagai tempat yang sesuai kerana ia menjadi tumpuan masyarakat," katanya.

"Majlis seperti ini boleh mengeratkan silaturrahim antara masyarakat, dapat membudayakan amalan berbuka puasa secara sederhana dan memberi pendedahan dan pengetahuan kepada masyarakat bukan Islam mengenai amalan berpuasa umat Islam di Malaysia," tambahnya.

Majlisnya diadakan setiap Sabtu dan Ahad dengan menyajikan hidangan asas seperti kurma, kuih-muih dan bubur lambuk dari Masjid Jamek Kampung Baru.

Pengunjungnya turut diperdengarkan tazkirah Ramadan dan alunan bacaan Al-Quran sebelum tiba waktu berbuka.

Susan Lee, 65, dari Jalan Klang Lama di sini memberitahu dia juga tidak melepaskan peluang menyertai majlis ini.

"Ini kali kedua saya datang. Pertama kali hujung minggu lepas. Sambil jalan-jalan membeli-belah bersama kawan-kawan, saya singgah datang makan. Acara macam ini memang bagus," katanya.

Adjibah Affendy, 25, dari Sibul, Sarawak berkata beliau dan keluarganya berbuka puasa di sini sejak tahun lalu kerana tertarik dengan konsep dan keunikannya.

"Kebetulan tahun ini keluarga saya datang lagi ke Kuala Lumpur, jadi kami sekali lagi tidak melepaskan peluang untuk menyertai majlis ini.

"Satu pengalaman menyeronokkan dapat berbuka beramai-ramai, walaupun tidak mengenali antara satu sama lain, tapi rasa seperti sebuah keluarga besar," katanya.

Seorang pelancong Perancis yang pertama kali ke Malaysia, Thiery Deric, 29, berkata dia yang sedang bersiar-siar di sekitar Dataran Merdeka pada mulanya merasa tertarik apabila melihat hamparan tikar di atas jalan raya.

Dia kemudiannya menghampiri kawasan itu sebelum dimaklumkan dia juga boleh menyertainya.

"Ia adalah unik melihat sesuatu seperti ini. Orang dari pelbagai kaum dan agama duduk bersama berbuka puasa.

"Peluang seperti ini adalah tidak ternilai. Saya lihat masyarakat di negara ini bersifat sangat praktikal. Mereka dapat menerima perbezaan antara mereka dan bertolak ansur dengan budaya orang lain.

"Program seperti ini perlu dikekalkan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=964931>